



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### HARI KELUARGA ANTARABANGSA: PBB IKTIRAF AMALAN BAIK MALAYSIA

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) **diberi pengiktirafan oleh pihak Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB)** untuk berkongsi amalan terbaik dalam forum bertema "Keluarga dan Perubahan Iklim" (*Families and Climate Change*) yang diadakan di New York, Amerika Syarikat pada 15-16 Mei 2024 bersempena sambutan ulang tahun ke-30, Hari Keluarga Antarabangsa 2024 (IYF+30) yang disambut pada 15 Mei setiap tahun.

Pengiktirafan ini diberikan atas keprihatinan KPWKM dalam memperkasakan keluarga melalui pendidikan dan advokasi dalam menangani tindakan iklim secara berkesan. Tanpa tindakan drastik, impak perubahan iklim akan menjadi semakin sukar ditangani dan memberi dampak yang besar kepada keluarga. Impak negatif tersebut boleh mempengaruhi aspek kesihatan dan kesejahteraan keluarga melalui peningkatan pencemaran, perubahan cuaca melampau seperti banjir dan kemarau yang mampu mengakibatkan gangguan ekonomi ke atas industri pertanian, kehilangan tempat tinggal dan pekerjaan ahli keluarga. Justeru komponen keluarga telah diambil kira di bawah agenda pembangunan negara (Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua Belas RMKe-12) yang bertujuan menangani isu semasa bagi merangsang pembangunan sosioekonomi Malaysia demi kelestarian dan kemakmuran jangka panjang.

Hari Keluarga Antarabangsa (HKA) disambut pada 15 Mei setiap tahun sejak 1994 sebagaimana ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Tahun ini merupakan ulangtahun ke-30 bagi sambutan HKA bertemakan "**Keluarga dan Perubahan Iklim' (*Families and Climate Change*)**". Tema ini memberi tumpuan kepada keluarga dan perubahan iklim, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kesan kepada keluarga dan peranan yang boleh dimainkan oleh keluarga berkaitan perubahan dan tindakan iklim.

Sempena ulangtahun ke-30 HKA ini, KPWKM melalui LPPKN dengan kerjasama *International Federation for Family Development* (IFFD), UNDESA dan Doha *International Family Institute* (DIFI) telah melaksanakan pra-sambutan HKA pada 28 dan 29 Februari lalu dengan penganjuran Mesyuarat Kumpulan Pakar Rantau Asia (*Regional Expert Group Meeting*), disusuli Forum Antarabangsa bertemakan “Hubungan Keluarga dan Megatrend Antara Migrasi, Perbandaran, Teknologi Baharu, Trend Demografi dan Perubahan Iklim” (*Families and Megatrends Interlinkages between Migration, Urbanisation, New Technologies, Demographics Trends and Climate Change*).

Pelbagai inisiatif bagi menyokong dan mengukuhkan institusi keluarga serta mewujudkan persekitaran yang menyokong perkembangan institusi keluarga antaranya menerusi penggubalan **Dasar Mesra Keluarga** yang memberi tumpuan kepada nilai kekeluargaan, **Perkhidmatan Sokongan Keluarga** seperti kaunseling dan terapi keluarga, **Program Pendidikan Keluarga** yang menyediakan ibu bapa dengan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan, **Penglibatan komuniti** melalui aktiviti yang menyokong keluarga termasuk menyediakan rangkaian bantuan dan sumber kepada keluarga yang memerlukan serta **Kempen Advokasi dan Kesedaran** menerusi program kesedaran awam yang menekankan peranan keluarga dalam masyarakat.

Meraikan tiga dekad HKA, KPWKM akan terus komited untuk memperkuuhkan keluarga dalam menghadapi pelbagai isu yang kompleks terutama tekanan ekonomi dan kemajuan teknologi yang pesat yang sudah tentu memerlukan penyelesaian inovatif dan usaha kolaboratif semua pihak.

####

Disediakan oleh,  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**15 MEI 2024**